



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA : JBPM/SL/SH/(S)/56-2024)

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor(Bumiputera) di **Negeri Selangor** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, Kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

Bil	Butir Sebutharga	Syarat Sebutharga	Maklumat Taklimat	Tarikh Iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
1	KERJA-KERJA PEMBAIKAN RUANG PEJABAT DAN BILIK BERSEDIA DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT CYBERJAYA, JBPM NEGERI SELANGOR	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred : G1 Kategori : B dan C Pengkhususan : B24 dan CE21 Negeri : Selangor Daerah : Sepang serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih dalam tempoh sah laku sehingga Disember 2024.	Tarikh: 28.10.2024 (Isnin) Masa: 10.00 Pagi Lokasi : Secara Atas Talian https://meet.google.com/vjd-jixz-qzx Kehadiran : WAJIB Hanya penama dalam sijil PKK, SPKK, atau bagi boleh menghadiri taklimat sebutharga dan TIDAK BOLEH mewakilkan pegawai selain daripada penama.	Tarikh: 24.10.2024	Tarikh: 1.11.2024 (Jumaat) Jam: 12.00 Tengahari

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi di **Unit Pentadbiran Am, Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor** pada waktu pejabat (8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang) mulai **28 Oktober 2024**.

3. Kontraktor hendaklah membawa **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor/Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan PKK** (jika ada) dan **Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang asal dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa taklimat dan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga.

5. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada pembida yang gagal mengemukakan dokumen asal sijil-sijil berkenaan.**

6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Pentadbiran Am, Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor, No.3, Persiaran Tebar Layar, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, **1 November 2024**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat www.bomba.gov.my

Tarikh : **23 Oktober 2024**

Tandatangan :



PKPJ B WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL

PENGARAH

Nama Pegawai : **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

NEGERI SELANGOR

Jawatan :